



PANDUAN SARINGAN HIV KLINIK 1 MALAYSIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

2016

**AKHIRI
AIDS**
JALANI UJIAN



PANDUAN SARINGAN HIV DI KLINIK 1 MALAYSIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

2015

SENARAI PENYUMBANG

SEKTOR HIV/STI, KKM

Dr. Sha'ari B. Ngadiman
Dr. Mohd Nasir A. Aziz
Dr. Anita Bt. Suleiman
Dr. Fazidah Yuswan
Dr. Salina Md Taib
Dr. Natalia Che Ishak

**Unit HIV/STI,
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka.**

**Bahagian Pembagunan Kesihatan Keluarga,
Kementerian Kesihatan Malaysia.**

EDITOR

Dr. Sha'ari B. Ngadiman
Dr. Salina Bt. Md. Taib
Dr. Natalia Che Ishak

GLOSSARI

ACT	Anonymous Counseling & Testing
AIDS	Acquired Immunodeficiency Syndrome
HIV	Human Immunodeficiency Virus
K1M	Klinik 1 Malaysia
RTK	Rapid Test Kit
Tibi	Tuberculosis
STI	Sexual Transmitted Illness
SW	Sex worker
VCT	Voluntary Counseling & Testing

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
1. Pendahuluan	6
2. Objektif	6
3. Peaksanaan	
- Kumpulan Sasar	7
- Kemudahan Menjalani Ujian	7
- Jenis-jenis ujian saringan HIV	8
- Kaedah Ujian	8
- Prosedur Ujian HIV	8
- Waktu Operasi	9
- Rekod / Reten	9
4. Lampiran	
Lampiran 1 Carta Alir Ujian HIV di Klinik 1 Malaysia	11
Lampiran 2 Carta Alir Ujian HIV Dengan Nama (VCT)	12
Lampiran 3 Carta Alir Ujian Saringan HIV Tanpa Nama (AVT)	13
Lampiran 4 Tugas dan Tanggungjawab	14
Lampiran 5 Panduan Kaunseling Pra Ujian	15
Lampiran 6 Panduan Kaunseling Pasca Ujian	16
Lampiran 7 Tafsiran Ujian	17
Lampiran 8 Carta Alir Reten & Pemantauan	18
Lampiran 9 Buku Daftar Saringan HIV	19
Lampiran 10 Jenis-jenis Borang Reten Yang Digunakan	20

PENDAHULUAN

HIV dan AIDS merupakan salah satu masalah kesihatan yang berpunca daripada gejala sosial yang tidak sihat. Sehingga kini, dunia masih belum menemui vaksin yang boleh mencegah jangkitan HIV dan ubat yang boleh menyembuhkan pesakit AIDS. Oleh yang demikian, langkah-langkah pencegahan dan kawalan terhadap jangkitan HIV adalah amat penting untuk membendung wabak ini dari terus menular. Ujian saringan terutamanya dalam kalangan golongan berisiko tinggi merupakan aktiviti pencegahan yang penting dalam membendung penularan HIV di peringkat awal dan menjurus kepada pematuhan terhadap rawatan.

Walaupun wabak HIV/AIDS di negara kita masih tertumpu dalam kalangan golongan berisiko, namun masyarakat umum sebenarnya tidak boleh dianggap selamat daripada risiko jangkitan HIV. Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia telah menunjukkan bahawa wabak HIV/AIDS telahpun menular dalam masyarakat nelayan, pemandu lori jarak jauh, pekerja kilang, dan pekerja di sektor swasta malahan wanita dan suri rumah tangga. Keadaan ini menjelaskan kepada kita bahawa semua lapisan masyarakat boleh terdedah kepada jangkitan HIV sekiranya kita tidak berwaspada dan mengambil langkah - langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya terutamanya mengetahui status penyakit.

Salah satu langkah dalam memenuhi tuntutan universal akses kepada perkhidmatan pengurusan HIV untuk mencapai sasaran *Getting to Zero (Zero New Infection , Zero AIDS Related Death and Zero Discrimination)*, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil inisiatif dengan meluaskan perkhidmatan ujian saringan HIV menggunakan kaedah pantas (*Rapid Test Kit - RTK*) ke Klinik 1 Malaysia.

Program ini dilihat selaras dengan *National Strategic Plan on Ending AIDS (NSPEA) 2016-2030* dalam merealisasikan dan memperluaskan aktiviti saringan HIV di Malaysia. Ia juga dilihat sebagai pintu masuk bagi pencegahan, rawatan dan penjagaan HIV.

OBJEKTIF

Objektif Am

- i. Menyediakan kemudahan saringan HIV di Klinik 1 Malaysia.

Objektif Khusus

- i. Menyediakan saringan HIV di K1M.
- ii. Pengesanan awal dan tindaksusul bagi mereka yang berisiko.
- iii. Memastikan semua anggota kesihatan di Klinik 1 Malaysia telah mendapat latihan kaunseling HIV dan mengetahui tatacara penggunaan kaedah ujian segera (*Rapid Test*) bagi menjalankan saringan HIV.

PELAKSANAAN

a. Kumpulan sasar

Perkhidmatan ini terbuka kepada:

- i. Individu yang berisiko seperti di bawah:
 - Kontak kepada pesakit HIV.
 - Pesakit Tibi (*Tuberculosis*).
 - Pesakit STI (*Sexual transmitted Illness*).
 - Kumpulan berisiko tinggi seperti penagih dadah secara suntikan, *sex workers* (SW), transgender dan golongan homoseksual juga pasangan mereka.
 - Mereka yang pernah berkongsi jarum suntikan dengan penagih dadah.
 - Pelanggan kepada SW
 - Mereka yang mempunyai berbilang pasangan seks.
- ii. Bakal pengantin

b. Kemudahan Menjalani Ujian Saringan

Ujian saringan ini boleh dijalankan di Klinik 1 Malaysia secara **PERCUMA** (bagi warganegara Malaysia). Caj bayaran bagi bukan warganegara tertakluk kepada Akta Fi.

c. Jenis-jenis Ujian Saringan HIV

i. Klinik 1 Malaysia (dengan Pegawai Perubatan):

- Saringan HIV dengan nama (VCT):
 - Sukarela
 - Saringan kontak
 - Saringan kepada kes TB/ STI/Hepatitis B/C
 - Pra Perkahwinan
- Saringan HIV Tanpa Nama (Anonymous)
- Saringan HIV kepada ibu hamil (sekiranya terdapat perkhidmatan & penjagaan antenatal)

ii. Klinik 1 Malaysia (tanpa Pegawai Perubatan)

- Saringan HIV dengan nama (VCT):
 - Sukarela
 - Saringan kontak
- Saringan HIV Tanpa Nama (Anonymous)

d. Kaedah Ujian

Ujian saringan HIV akan dijalankan menggunakan kaedah ujian segera (*Rapid test*). Sekiranya didapati ‘reaktif’, individu akan dirujuk kepada pegawai perubatan di klinik kesihatan yang berhampiran untuk ujian pengesahan.

e. Prosedur Ujian Saringan HIV

Individu yang ingin menjalani ujian HIV boleh pergi ke Klinik 1 Malaysia. Prosedur ujian saringan HIV adalah seperti dinyatakan di bawah:

- i. Klien hendaklah mendaftarkan diri di kaunter pendaftaran.
- ii. Klien dikehendaki berjumpa dengan Penolong Pegawai Perubatan (U29/U32) / Jururawat Kesihatan (U29/U32) / Pegawai Perubatan di Klinik 1 Malaysia untuk menjalani

ujian saringan HIV. Maklumat peribadi pesakit akan diambil dan didaftarkan dalam Buku Daftar Saringan HIV.

- iii. Kaunseling Pra Ujian (*pretest counseling*) akan diberi oleh Pegawai Perubatan / Penolong Pegawai Perubatan (U29/U32) / Jururawat Kesihatan (U29/U32) sebelum ujian dijalankan.
- iv. Hanya anggota kesihatan yang terlatih sahaja boleh menjalankan ujian saringan HIV menggunakan kaedah ujian segera (*Rapid test*)
- v. Kaunseling Pasca Ujian (*post-test counseling*) akan diberikan kepada klien sebaik keputusan ujian saringan diperolehi.
- vi. Sekiranya keputusan ‘rapid test’ adalah ‘tidak reaktif’, klien akan diberi penerangan tentang ‘window period’ dan dinasihatkan untuk mengulangi ujian, 6 bulan dari tarikh saringan (jika klien bukan dalam kalangan kumpulan berisiko tinggi). Manakala klien dalam kalangan kumpulan berisiko tinggi akan dinasihatkan untuk mengulangi ujian saringan selepas 3 bulan dari tarikh saringan.
- vii. Sekiranya keputusan ‘rapid test’ adalah ‘reaktif’ :-
 - Klien akan dirujuk kepada Pegawai Perubatan di Klinik 1 Malaysia yang sama (sekiranya ada) atau Klinik Kesihatan yang berhampiran.
 - Klien perlu membuat ujian pengesahan dengan kadar segera selepas ujian saringan dijalankan.

f. Waktu operasi

Waktu operasi adalah mengikut waktu operasi Klinik 1 Malaysia yang telah ditetapkan.

g. Rekod / Reten


Bagi memantau keberkesanan dan pelaksanaan program ini, anggota kesihatan perlu mengisi borong-borang reten berkaitan ujian saringan HIV sebagaimana reten yang sedia ada di klinik-klinik kesihatan. Reten yang

telah diisi perlu dihantar secara bulanan kepada pegawai yang bertanggung-jawab kepada reten HIV di klinik kesihatan berdekatan.


Pegawai AIDS Negeri perlu memastikan reten-reten berkaitan boleh didapati di K1M dan di UTC. Berikut adalah senarai reten yang digunakan dalam program ini:

- i. HIV/TB 1/2008
- ii. HIV AVT 1/2008
- iii. TPTCT 1/2012
- iv. FMS/HIV/1/07 Pind 1/2008
- v. MSA STI Form/2012
- vi. PPHIV/KKM/2012


CARTA ALIR UJIAN SUKARELA DI KLINIK 1 MALAYSIA (Merujuk kepada Pekeliling 2011)



CARTA ALIR UJIAN HIV DENGAN NAMA (VCT)



CARTA ALIR UJIAN HIV TANPA NAMA (*Anonymous*)



TUGAS & TANGGUNGJAWAB

Bil.	Petugas Kesihatan	Tugas & tanggungjawab
1.	Pegawai Perubatan	<ul style="list-style-type: none"> • Kaunseling (pra & pasca) • Menjalankan ujian saringan • Rujukan
2.	Penolong Pegawai Perubatan (U32/U29)	<ul style="list-style-type: none"> • Kaunseling (pra & pasca) • Rujukan • Menjalankan ujian saringan • Membuat & menghantar laporan/reten bulanan ke Klinik Kesihatan berdekatan
3.	Jururawat Kesihatan (U32/U29)	<ul style="list-style-type: none"> • Kaunseling (pra & pasca) • Rujukan • Menjalankan ujian saringan
4.	Pembantu Perawatan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Daftar dan rekod

PANDUAN KAUNSELING PRA UJIAN

- Perkenalkan diri
- Terangkan bahawa perbincangan itu adalah rahsia
- Cuba dapatkan maklumat mengapa klien mahu menjalani ujian tersebut.
- Nilai tahap pengetahuan klien tentang cara transmisi jangkitan dan pencegahan HIV.
- Terangkan fakta-fakta perubatan mengenai jangkitan HIV berikut:
 - Bagaimana HIV bertindak ke atas sistem pertahanan badan
 - Perbezaan di antara jangkitan HIV dan penyakit AIDS
 - Tempoh pengaraman yang panjang (*window period*)
 - Cara jangkitan HIV
 - HIV tidak merebak melalui sentuhan, berkongsi makanan, berkongsi perkhidmatan dan kemudahan awam, gigitan nyamuk dan bersukan.
 - Pelanggan perlu mendapatkan rawatan bagi melambatkan perkembangan virus dalam badan.
 - Sehingga kini tiada rawatan atau vaksin untuk menyembuhkan HIV/AIDS
 - Boleh mendapatkan rawatan bagi jangkitan opportunistik dan rawatan simptomatif
 - Rawatan menggunakan ubat-ubatan antiretroviral dapat meningkatkan jangka hayat dan kualiti kehidupan.
- Menerangkan kepada klien berkaitan tindakan susulan yang akan dilakukan jika keputusan ujian tidak reaktif atau reaktif (tafsiran ujian)


PANDUAN KAUNSELING PASCA UJIAN

- Memahami bahawa reaksi pelanggan adalah normal selepas menerima keputusan ujian.
- Pastikan pelanggan boleh menerima keputusan ujian saringan dan memahami bahawa ujian pengesahan diperlukan untuk mengesahkan status jangkitan.
- Beri sokongan moral dan pilihan untuk menghadapi kebimbangan.
- Beri kefahaman mengenai HIV dan cara HIV merebak.
- Terangkan mengenai fakta yang mereka terlupa atau salah tanggapan.
- Beri sokongan moral kepada pelanggan yang menghadapi kesukaran untuk memberitahu pasangan seks mereka.
- Bincang dengan klien agar membawa pasangan mereka untuk sesi kaunseling dan ujian saringan.
- Kenalpasti sokongan emosi dari keluarga dan kawan-kawan.
- Mengenalpasti mengenai perlakuan berisiko dan cara mengubahnya.
- Memberi penerangan mengenai seks selamat.
- Jika sesuai, tunjukan cara penggunaan kondom yang betul.
- Terangkan pencegahan praktikal di rumah kepada klien
- Beri masa untuk klien bertanya soalan.
- Bantu pelanggan mendapatkan bantuan dengan kumpulan sokongan setempat dan kumpulan kaunseling
- Terangkan mengenai rawatan dan tindak-susul selanjutnya.

TAFSIRAN UJIAN

- Reaktif
 - Keputusan ini menunjukkan pelanggan perlu menjalani ujian pengesahan.
- Tidak reaktif (*non-reactive*)
 - Keputusan ini menunjukkan pesakit tidak dijangkiti virus HIV. Walau bagaimanapun, pelanggan yang mempunyai faktor risiko ke arah jangkitan HIV perlu mengulangi ujian saringan setiap 3 bulan.
- Waktu pengeraman (*window period*) – ‘False negative’
 - Keputusan negatif/tidak reaktif tidak semestinya seorang tidak dijangkiti HIV, ia akan mengambil masa selama 6 bulan dan mungkin lebih lama untuk sebahagian kecil kes dalam menghasilkan antibodi berikutan jangkitan. Ini berlaku jika sampel darah diambil semasa ‘*window period*’.

CARTA ALIR RETEN DAN PEMANTAUAN



BUKU DAFTAR SARINGAN HIV

Bil.	*Tarikh	*Nama	*No. Kad Pengenalan/Pasport	*Alamat	*No. Telefon	*Pekerjaan	Umur	Jantina	Lelaki	Perempuan	Bangsa	Status Perkahwinan (Pertama,Kedua dan Lebih)	Rujukan Daripada (Sekiranya Ada, Nyatakan)	Faktor Risiko						Keputusan Ujian Saringan HIV Rapid Test		Keputusan Ujian Pengesahan HIV					
															IDU	Homoseksual/Lesbian	Seks Bebas	Melanggani Pelacur	Pasangan HIV	Tercucuk Jarum/Peralatan Tajam yang Tercemar	Penerima Transfusi Darah Yang Tercemar	Tiada Risiko	Reaktif	Tidak Reaktif	Tarikh Ujian Pengesahan	Positif,No. Makmal	Negatif,No. Makmal

*Bagi saringan tanpa nama, data akan diambil jika keputusan ujian saringan HIV adalah **reaktif**.

JENIS-JENIS BORANG RETEN YANG DIGUNAKAN:

Bil	Nama Borang Reten	Nombor Borang Reten	Kekerapan dikumpul	Dihantar kepada
1	Reten Saringan HIV di kalangan pesakit Tibi	HIV/ TB 1/ 2008	Setiap bulan sebelum 5hb	PPP di Klinik Kesihatan terdekat
2	Reten Program Saringan HIV Sukarela Tanpa Nama	HIV AVT 1/ 2008	Setiap bulan sebelum 5hb	PPP di Klinik Kesihatan terdekat
3	Reten Program Ujian Saringan Pra Perkahwinan	FMS/HIV/1/07 Pind 1/2008	Setiap bulan sebelum 5hb	PPP di Klinik Kesihatan terdekat
4	Reten HIV Screening for STI	MSA STI Form /2012	Setiap bulan sebelum 5hb	PPP di Klinik Kesihatan terdekat
5	Reten Program Pengurusan Penjagaan Kesihatan Primer (PPHIV)	PPHIV/ KKM/ 2012	Setiap bulan sebelum 5hb	PPP di Klinik Kesihatan terdekat

